



KENYATAAN MEDIA
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)
6 MEI 2017 (SABTU)

NASIHAT BAGI
MELARANG AKTIVITI PEMBAKARAN TERBUKA
SEMASA CUACA PANAS DAN KERING

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada 5 Mei 2017, negara-negara di utara rantau ASEAN iaitu di Thailand, Myanmar, Cambodia, Lao PDR dan Vietnam sedang mengalami musim panas dan kering dengan taburan titik-titik panas kebakaran (hotspots) yang tinggi tertumpu di negara Myanmar (82 titik panas). **Walau bagaimanapun, keadaan jerebu yang berlaku di rantau negara-negara tersebut tidak membawa jerebu ke negara kita berikutan arah pergerakan angin pada masa kini tidak menghala ke Malaysia.**

Dalam pada itu, bilangan titik-titik panas kebakaran (hotspots) di negara-negara selatan ASEAN seperti Sumatera dan Kalimantan, Indonesia dan dalam negara masih rendah disebabkan hujan yang kerap berlaku semasa fasa peralihan monsun. Kejadian jerebu rentas sempadan yang berpunca daripada aktiviti pembakaran terbuka secara tidak terkawal di negara jiran, Indonesia lazimnya berlaku semasa musim panas dan kering Monsun Barat Daya antara Jun hingga September setiap tahun.

Sebagai langkah proaktif bagi menghadapi cuaca panas dan kering tersebut, **orang ramai dan semua pihak dinasihatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.**

Di bawah peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mana-mana pihak yang didapati melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan kompaun maksimum sebanyak RM 2000 atau jika disabitkan kesalahan di mahkamah, boleh dikenakan denda sehingga RM 500 ribu atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

